

on your side



## Apakah On Your Side? →

**On Your Side** ialah perkhidmatan sokongan dan pelaporan seluruh UK untuk komuniti Asia Timur dan Tenggara yang mengalami tindakan perkauman dan/atau sebarang bentuk kebencian.

Jika anda menghadapi tindakan perkauman dan/atau kebencian yang ditujukan kepada anda atau orang lain yang, atau dianggap sebagai, berbangsa Asia Timur dan Tenggara, kami bersedia untuk menyokong anda. Tidak kira kejadian yang berlaku, walau sekecil mana pun mengikut tanggapan orang lain, anda layak didengari dan diambil serius.

**On Your Side** menyediakan talian bantuan percuma 24/7 dan tapak web untuk anda mendapatkan sokongan, mengakses sumber dan jika anda mahu, membuat laporan.

Pasukan kami yang mesra bertutur dalam pelbagai bahasa Asia Timur dan Tenggara, dan melalui jurubahasa yang dipercayai boleh menyokong anda dalam mana-mana bahasa yang anda perlukan.

Sama ada anda ingin mencari perkhidmatan kaunseling tempatan, bimbang tentang akibatnya jika anda menghubungi polis, atau anda sekadar hanya ingin bercakap dengan seseorang yang dapat menyokong anda - Operator Talian Bantuan dan Pekerja Sokongan kami yang terlatih bersedia untuk menolong anda.

## ← Apakah sokongan yang kami boleh tawarkan kepada anda?



## Janji kami →



**Keselamatan dan kesejahteraan anda adalah tonggak kepada semua yang kami lakukan. Melainkan jika ada risiko luar biasa kepada keselamatan anda, atau keselamatan orang lain, kami tidak sekali-kali akan berkongsi apa-apa yang anda beritahu kepada kami tanpa kebenaran anda.**

Dengan memberitahu kami perkara yang telah berlaku kepada anda, anda membantu membina gambaran tentang pengalaman komuniti Asia Timur dan Tenggara di UK. Lebih banyak yang kami tahu tentang apa yang berlaku, lebih berkesan kita dapat mencegahnya.

**Jangan menderita seorang diri.  
Bercakaplah dengan kami secara percuma bila-bila masa.**

 **Telefon kami**  
—0808 801 0393

 **Hubungi kami dalam talian**  
—[onyoursideuk.org](https://onyoursideuk.org)

